

04/07/1998

Disiplin penting untuk pembangunan

PETALING JAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia masih memerlukan peraturan dan disiplin untuk membangun negara serta memelihara kepentingan seluruh rakyat.

Menurut Perdana Menteri, negara harus mempunyai undang-undang dan peraturan walaupun kempen kini menuju ke arah kebebasan.

"Kita masih memerlukan peraturan dan disiplin kerana jika tidak kita akan menjejaskan orang lain," katanya pada jamuan malam sempena ulang tahun ke-46 Maktab Tentera Diraja (MTD) anjuran Persatuan Bekas Putera MTD (OPA), di sini malam ini.

Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh dan Presiden OPA, Datuk Dr Munir Majid.

Dr Mahathir berkata, sesetengah orang berpendapat mereka patut dibenar melakukan sesuatu yang mereka sukai.

Bagaimanapun, katanya, ini tidak mungkin berlaku kerana peraturan dan undang-undang mengikat setiap orang untuk memastikan kestabilan negara sentiasa terkawal.

Menurut Perdana Menteri, negara kini memasuki zaman yang mana nilai-nilai kehidupan masyarakat sudah berubah.

"Ramai orang berpendapat bahawa disiplin dan peraturan tidak lagi sesuai kerana manusia sepatutnya bebas tetapi saya gembira kerana MTD masih mengekalkan corak disiplin dan ketertibaan seperti ketika ia diasaskan 46 tahun lalu," katanya pada majlis yang dihadiri 1,600 bekas Putera MTD dan tetamu lain.

Dr Mahathir berkata, Putera MTD berjaya dalam bidang kehidupan masing-masing kerana corak latihan dan disiplin tinggi yang diperolehi ketika berada di kolej itu.

Sambil berharap nilai, tradisi serta disiplin tinggi dikekalkan, Dr Mahathir yakin institusi itu akan berjaya melahirkan lulusan berkualiti serta memiliki daya kepemimpinan yang diperlukan untuk membangunkan bangsa dan negara.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir menerima sumbangan cek bernilai RM200,000 untuk Danaharta Negara.

Beliau juga menyampaikan hadiah kepada `Putera OPA Tahun Ini', iaitu Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Jen Ismail Omar dan Pengarah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr Khalid Abdul Kadir.

(END)